

Akaun Hasil Disatukan sah susut

PUTRAJAYA 25 Sept. -

Jabatan Akauntan Negara mengesahkan kenyataan Menteri Kewangan, Lim Guan Eng baru-baru ini berhubung penyusutan ketara baki dalam Akaun Hasil Disatukan bagi tempoh dari 31 Disember 2017 sehingga 30 April lalu.

Akauntan Negara, Datuk Saat Esa berkata, penyusutan sebanyak 96 peratus atau RM11.41 bilion bagi tempoh berkenaan adalah selaras dengan rekod yang diselenggarakan oleh jabatannya.

"Jabatan Akauntan Negara juga mengesahkan bahawa kerajaan Persekutuan hanya boleh menggunakan Akaun Hasil Disatukan untuk menampung perbelanjaan mengurus.

"Kerajaan Persekutuan hanya mempunyai RM450 juta untuk dibelanjakan daripada Akaun Hasil Disatukan pada 30 April 2018 berbanding RM11.86 bilion pada penghujung tahun 2017.

"Untuk makluman, kerajaan Persekutuan perlu membelanjakan lebih daripada RM8 bilion sebulan bagi emolumen dan faedah persaraan," katanya. dalam satu kenyataan di sini hari ini.